

29 JUN 2002

MUHYIDDIN-BSKL

KEADAAN TIDAK MENENTU DI BSKL HANYA SEMENTARA, KATA MUHYIDDIN

MUAR, 29 Jun (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata keadaan tidak menentu dalam pergerakan pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sejak kebelakangan ini, hanya bersifat sementara.

Beliau juga yakin bahawa fenomena sedemikian tidak akan berlarutan hingga ke satu tempoh yang panjang berikutan pengumuman mengejut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu untuk berundur diri dari memegang sebarang jawatan dalam politik.

"Keyakinan pelabur tidak tergugat, sebab itu mereka (pelabur) masih masuk ke pasaran," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pusat Literasi Komputer Kemas Parlimen Pagoh di pusat khidmat wakil rakyat parlimen di sini, hari ini.

Menurut Muhyiddin, sememangnya menjadi kebiasaan keadaan pasaran di BSKL akan turut terjejas apabila berlaku sesuatu perubahan yang memeranjatkan di dalam negara, namun keadaan akan kembali pulih apabila pentadbiran berjalan seperti biasa dan parti Umno masih menjadi tunggak dalam kerajaan.

Katanya lagi, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Timbalan Presiden Umno telah memberi jaminan akan terus membantu Perdana Menteri sama ada dalam soal dasar, ekonomi dan politik.

"Tetapi tidak boleh dinafikan, memang terdapat sentimen sehingga menimbulkan keadaan tidak menentu pada waktu itu, tetapi sekarang ni seharusnya keadaan telah mula kukuh, fenomena itu adalah sementara sahaja," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa dari sudut fundamentalnya, ekonomi negara berada pada landasan yang kukuh memandangkan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun ini akan meningkat berdasarkan laporan Bank Negara.

"Bank Negara dalam laporan terbarunya mengunjurkan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara akan meningkat antara 3.5 peratus hingga 4 peratus pada tahun ini. Penggal pertama saja kita telah mencatat 1.1 peratus.

"Saya fikir ia (pertumbuhan ekonomi) akan terus meningkat ... ini bermakna bukan sahaja fundamental kuat, ekonomi kita juga kukuh dan peratusan akan terus meningkat tinggi," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin yang juga Naib Presiden Umno berkata penerimaan anggota Umno terhadap keputusan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi parti mengenai rancangan peralihan kuasa Perdana Menteri yang diumumkan baru-baru ini amat baik.

"Tidak perlu ditokok tambah kerana anggota-anggota parti umumnya memahami dan menyedari kenapa keputusan itu dicapai," katanya. --BERNAMA

SO RAM ZK